2015

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2015

103 Dasar Monetari

105 *Rencana: Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya*

109 Operasi Monetari

DASAR MONETARI

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada tahun 2015, dengan tumpuan diberikan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan kestabilan harga. Pendirian dasar monetari adalah akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi, berlatarkan ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran dasar ekoran beberapa perkembangan luar negeri dan dalam negeri yang mempengaruhi prospek ekonomi Malaysia dan menimbulkan risiko kepada kestabilan makroekonomi keseluruhan. Walau bagaimanapun, dengan persekitaran kadar faedah yang rendah, MPC terus berwaspada terhadap risiko kepada ketidakseimbangan kewangan.

Pada tahun 2015, MPC memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dan kestabilan harga dalam persekitaran yang bercirikan ketidaktentuan dan ketidakpastian yang ketara

Rajah 3.1

Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang pada kadar yang stabil antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015. Prospek ini berdasarkan jangkaan bahawa permintaan dalam negeri akan menjadi peneraju pertumbuhan dalam keadaan permintaan luaran yang lemah, selaras dengan prospek pertumbuhan global yang sederhana dan harga eksport komoditi yang lebih rendah. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana berbanding dengan pertumbuhan pada tahun-tahun sebelumnya berikutan kos yang lebih tinggi yang dihadapi oleh isi rumah, khususnya pada separuh kedua tahun itu, dan ketidakpastian persekitaran ekonomi yang meningkat. Walaupun begitu, berdasarkan penilaian, perbelanjaan isi rumah dijangka terus disokong oleh pertumbuhan upah dan keadaan guna tenaga yang stabil pada tahun itu. Aktiviti pelaburan turut diunjurkan kekal berdaya tahan, dengan perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh sektor swasta dan awam mengimbangi kemerosotan aktiviti pelaburan minyak dan gas. Aktiviti pelaburan dijangka diterajui oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, serta projek infrastruktur.

Inflasi keseluruhan diramalkan berada dalam julat 2 - 3%. Penurunan harga komoditi global dan inflasi global yang pada amnya lebih rendah dijangka dapat mengimbangi peningkatan faktor kos dalam negeri berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST), pelarasan harga dalam negeri yang lain dan kadar pertukaran ringgit yang lebih lemah. Setelah mencatat paras terendah pada suku pertama tahun 2015, inflasi keseluruhan diunjurkan meningkat, seterusnya mencatat paras tertinggi pada suku pertama tahun 2016, dan menjadi sederhana selepas itu. Sepanjang tahun 2015, inflasi asas secara relatif dijangka kekal sederhana dalam keadaan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan.

Sepanjang tahun 2015, prospek asas (baseline) untuk pertumbuhan dalam negeri dan inflasi ini bergantung pada ketidakpastian yang berpunca daripada beberapa perkembangan luaran dan dalam negeri yang memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Dalam perbincangan

yang telah dibuat sepanjang tahun itu, MPC memantau perkembangan ini dengan teliti dan membuat penilaian secara berterusan mengenai risiko yang mungkin timbul terhadap kestabilan makroekonomi keseluruhan. Pada permulaan tahun itu, punca utama kebimbangan ialah perubahan yang ketara dan ketidakpastian dalam prospek harga komoditi dan ekoran itu, risiko terhadap daya tahan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Khususnya, kebimbangan mengenai kesan kepada sektor minyak dan gas dan limpahan kepada aktiviti pelaburan dan eksport yang lebih luas, di samping implikasi kepada imbangan pembayaran keseluruhan dan kedudukan fiskal Kerajaan. MPC juga bimbang tentang salah tanggapan bahawa ekonomi Malaysia sangat bergantung pada komoditi. Yang nyata ialah ekonomi Malaysia amat pelbagai, dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan memainkan peranan penting. Dalam penyampaian komunikasinya, Bank Negara Malaysia berusaha untuk membetulkan salah tanggapan ini. MPC juga memberikan perhatian yang teliti terhadap hasil pengenalan GST pada bulan April 2015. Meskipun GST memberikan manfaat kepada ekonomi pada jangka lebih panjang, kesannya dalam jangka terdekat terhadap tingkah laku isi rumah dan perniagaan mungkin meninggalkan kesan ekonomi. Kesan langsung terhadap inflasi dianggap kurang membimbangkan berikutan persekitaran inflasi global dan dalam negeri yang sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya pencatutan dan tingkah laku penentuan harga oleh firma, khususnya kerana terdapat beberapa perubahan lain dalam harga dalam negeri, seperti pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk produk bahan api dalam negeri.

Pada separuh kedua tahun 2015, kebimbangan terhadap kesan negatif ekoran kemerosotan harga komoditi dan kemungkinan berlakunya pelarasan yang tidak teratur kepada GST telah reda. Namun begitu, beberapa risiko global utama yang dikenal pasti pada permulaan tahun itu menjadi kenyataan. Ini termasuklah pertumbuhan global yang lebih perlahan berikutan momentum pertumbuhan global yang menjadi lebih lembap dalam beberapa ekonomi maju utama dan ekonomi sedang pesat membangun, ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran kewangan global yang sebahagiannya berpunca daripada ketidakpastian dasar dalam ekonomi utama dan

Rajah 3.2

KDNK dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

ketidaktentuan harga komoditi yang berterusan. Perkembangan luaran ini memberikan kesan yang ketara kepada pasaran kewangan domestik dan kadar pertukaran ringgit pada separuh kedua tahun itu. Faktor dalam negeri sedikit sebanyak turut memburukkan sentimen pelabur terhadap aset kewangan ringgit. Secara kumulatif, perkembangan ini menyebabkan kemerosotan sentimen ekonomi secara keseluruhan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan dalam negeri. Perkembangan ini sedikit sebanyak telah menyebabkan sentimen ekonomi dalam negeri mencapai tahap yang kali terakhir dialami semasa krisis dalam ekonomi maju pada tahun 2008-2009[1].

Meskipun melalui perkembangan ini, jangkaan awal tentang prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi tidak terbabas. Ekonomi Malaysia terbukti berdaya tahan. Ciri-ciri ekonomi dan eksportnya yang amat pelbagai membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Pasaran kewangan yang mendalam dan permodalan institusi kewangan yang kukuh berupaya menghadapi aliran modal yang besar dan tidak menentu dan terus menyediakan pembiayaan bagi menyokong aktiviti ekonomi. Yang penting, meskipun perkembangan global dan dalam negeri menjejaskan kadar pertukaran ringgit dan pasaran kewangan domestik, mudah tunai domestik keseluruhan kekal mencukupi manakala institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

[1] Contohnya, Indeks Sentimen Pengguna MIER (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) mencapai paras yang lebih rendah berbanding dengan paras pada tahun 2008, manakala Indeks Keadaan Perniagaan MIER dan Indeks Guna Tenaga MIER masing-masing berada pada paras yang terendah sejak tahun 2009 dan 2008.

Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat pertamanya empat belas tahun lalu. Sejak itu, MPC telah berkembang dan meningkatkan keberkesanannya sebagai satu-satunya badan yang bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di Malaysia. Rencana ini secara ringkas memaparkan peristiwa penting dalam perkembangan MPC sejak ditubuhkan.

Tahun 2002 hingga tahun 2008: Membina Asas

MPC dibentuk pada tahun 2002. Pada permulaannya, MPC dibentuk sebagai sebuah jawatankuasa penasihat yang dianggotai pengurusan kanan Bank Negara Malaysia (Bank) yang menyokong Gabenor sebagai pembuat keputusan tunggal dasar monetari. Mesyuarat MPC lazimnya berlangsung seharian, dimulakan dengan pembentangan kakitangan, diikuti dengan perbincangan dalam kalangan ahli jawatankuasa dan diakhiri dengan keputusan yang dibuat oleh Gabenor mengenai pendirian dasar monetari. MPC yang bermesyuarat secara berkala berperanan untuk menilai keadaan ekonomi secara konsisten dan memastikan bahawa pendirian dasar monetari adalah sesuai mengikut perubahan prospek pertumbuhan dan inflasi.

Bahagian penting dalam proses membuat keputusan dasar monetari ialah proses dalaman sebelum mesyuarat MPC. Dalam hal ini, Kumpulan Kerja Dasar Monetari (Monetary Policy Working Group, MPWG) memainkan peranan penting. MPWG ditubuhkan pada tahun 2002 sebagai forum dalaman untuk membincangkan penilaian kakitangan mengenai perkembangan dan prospek terkini ekonomi,

Gambar Rajah 1

Proses Dasar Monetari di Bank Negara Malaysia



Nota: Penomboran menunjukkan urutan proses dasar monetari
Sumber: Bank Negara Malaysia

monetari dan pasaran kewangan, isu-isu dasar dan dapatan kajian sebelum pembentangan kepada MPC. Selain fungsi kawalan kualitinya, MPWG juga memastikan bahawa pandangan semua bahagian yang terlibat dengan Bank diambil kira dan dipertimbangkan dengan teliti. MPWG dipengerusikan oleh Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap dasar monetari dan ahlinya ialah pengarah-pengarah jabatan yang terlibat dalam bidang dasar monetari, ekonomi, operasi pelaburan dan pasaran kewangan, pemantauan dan pengawasan kewangan, dan pentadbiran pertukaran asing. Pada mulanya, MPWG bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali sebulan, tetapi mesyuarat ini telah bertukar menjadi lapan kali setahun pada tahun 2005 dan enam kali setahun pada tahun 2010, selaras dengan kekerapan mesyuarat MPC.

Komponen penting dalam pengendalian dasar monetari ialah komunikasi mengenai keputusan dasar kepada orang ramai dan pasaran kewangan. Alat komunikasi dasar yang utama bagi MPC ialah Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS). MPS yang pertama dikeluarkan pada bulan Ogos 2003, dan pada mulanya dijadualkan siarannya sebanyak empat kali setahun bersesuaian dengan penyiaran prestasi suku tahunan KDNK Malaysia. Tarikh siaran kemudiannya ditukar bermula pada bulan Disember 2005 supaya bersesuaian dengan tarikh mesyuarat MPC. Ini juga merupakan kali pertama penyiaran kalendar lebih awal bagi mesyuarat-mesyuarat MPC untuk tahun akan datang. MPS adalah pernyataan pandang ke hadapan yang menggariskan pendirian dasar monetari dan rasional bagi keputusan dasar yang dibuat.

Tahun 2009: Autonomi dan Keinstitusian

Pada tahun 2009, peristiwa yang sangat penting telah berlaku dalam perkembangan MPC dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009[1] (Akta). Akta ini menetapkan bahawa dasar monetari hendaklah dirumuskan dan dilaksanakan secara autonomi oleh Bank dan dari segi undang-undang MPC diiktiraf sebagai badan yang bertanggungjawab dalam merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di dalam negara. Akta ini juga menginstitusikan dan menjelaskan lagi beberapa aspek yang telah mantap dalam pengendalian dasar monetari oleh pihak Bank. Aspek ini meliputi, sebagai contoh, objektif dasar monetari, iaitu mengekalkan kestabilan harga sambil mengambil kira perkembangan dalam ekonomi, dan keperluan rasmi untuk menyiarkan MPS selepas setiap kali mesyuarat diadakan.

Selain itu, Akta ini memperkenalkan prosedur tadbir urus yang penting yang berperanan menyediakan rangka kerja untuk meningkatkan kemantapan bukan sahaja persekitaran untuk membuat keputusan dasar monetari, malahan akan turut membenarkan MPC untuk terus berkembang pada masa hadapan. Tadbir urus proses dasar monetari turut berpandukan undang-undang kecil MPC, yang antara lain, menyediakan set amalan untuk membuat keputusan dasar yang cekap dan mantap; mentakrifkan peranan, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban ahli MPC; dan mentakrifkan kitaran membuat keputusan dasar monetari. Undang-undang kecil ini meliputi peruntukan seperti keperluan untuk campuran yang optimum (optimal mix) dari segi perwakilan konstituensi dalam komposisi MPC bagi mengimbangi keputusan yang berat sebelah, pendekatan membuat keputusan dan struktur mesyuarat MPC.

MPC berkembang menjadi jawatankuasa yang membuat keputusan berdasarkan persepakatan bersama dengan keputusan dibuat secara konsensus, dan Gabenor, sebagai Pengerusi, berperanan untuk mengetuai perbincangan dan pertimbangan, serta mendorong wujudnya konsensus dalam kalangan ahli MPC. Kriteria keanggotaan MPC juga ditakrifkan dengan lebih jelas dalam Akta ini. Pertimbangan menyeluruh untuk dicalonkan sebagai ahli MPC ialah mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan dengan tanggungjawab dan fungsi MPC; dan seorang yang jujur, berwibawa dan berfikiran waras. Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor terus kekal sebagai ahli MPC selagi mereka masih memegang jawatan itu. Ahli yang lain dilantik oleh Lembaga Pengarah Bank daripada kalangan pegawai kanan Bank yang mempunyai

[1] Sila rujuk ``Rencana: Proses Dasar Monetari di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009´´, dalam Bab 3 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009 untuk huraian yang terperinci.

kepakaran yang berkaitan, atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank[2]. Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga ini boleh mencadangkan ahli luar Bank kepada Menteri Kewangan untuk dilantik menganggotai MPC.

Tempoh setiap mesyuarat MPC juga dilanjutkan kepada dua hari. Ini bertujuan untuk memberikan masa yang mencukupi bagi pembentangan yang mendalam oleh kakitangan dan untuk ahli MPC menilai dan membincangkan implikasi daripada perkembangan baharu. Masa tambahan ini juga membolehkan pandangan konsensus mengenai hala tuju dasar berkembang, dan akhirnya penyediaan draf MPS. Akta ini juga menetapkan bahawa MPC perlu bermesyuarat enam kali setahun, dengan fleksibiliti untuk mengadakan mesyuarat tambahan jika perlu.

Tahun 2010 hingga tahun 2015: Meningkatkan Kemantapan Rangka Kerja Membuat Keputusan

Bank terus menghadapi persekitaran dasar yang mencabar pada tahun-tahun selepas mengalami kemelesetan ekonomi global. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perkembangan dan ketidakpastian yang ketara dalam persekitaran ekonomi dan pasaran kewangan global. Dalam tempoh ini, beberapa usaha telah dilakukan oleh Bank untuk memperkukuh rangka kerja membuat dasarnya. Bank menubuhkan Jawatankuasa Dasar Bersama pada tahun 2010, iaitu jawatankuasa dasar peringkat tinggi yang terdiri daripada ahli MPC dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank[3]. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan kesedaran bahawa dasar monetari dan kestabilan kewangan amat saling bergantung antara satu sama lain, dan penyelarasan yang berkesan antara kedua-dua dasar ini sangat penting untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi dan kewangan. Jawatankuasa Dasar Bersama mempermudah pengawasan yang lebih meluas dan penilaian risiko yang lebih menyeluruh terhadap isu-isu dengan menggabungkan pengawasan makroekonomi dengan analisis sektor kewangan pada peringkat mikro. Ini membolehkan Bank untuk membincangkan isu-isu merentas pelbagai kategori dan memastikan pelarasan dasar secara berkesan yang mungkin mempunyai impak terhadap sistem kewangan dan ekonomi secara lebih menyeluruh.

Pada tahun 2012, proses ini berubah lagi apabila Kod Etika dan Konflik Kepentingan Jawatankuasa Dasar Monetari (Kod) diwujudkan. Kod ini menetapkan garis panduan bagi memelihara integriti membuat keputusan oleh MPC dengan berusaha untuk meminimumkan dan menguruskan sebarang konflik kepentingan. Selain itu, Rangka Kerja untuk Pelantikan Ahli Luar Bank kepada Jawatankuasa Dasar Monetari (Rangka Kerja) dalaman turut dirangka pada tahun 2012. Rangka Kerja ini menyediakan prinsip yang menjadi pedoman, berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta dan undang-undang kecil MPC bagi memudahkan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank menilai kesesuaian calon luar Bank untuk dicadangkan sebagai ahli MPC. Rangka Kerja ini mengukuhkan perlindungan yang sedia ada, seperti menetapkan bahawa mana-mana calon yang dicadangkan untuk menjadi ahli MPC, Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga harus terlebih dahulu berpuas hati bahawa calon itu akan mengukuhkan kepelbagaian kepakaran dan pengalaman yang tersedia dalam MPC, dan menghendaki ahli luar Bank menyertakan penafian apabila memberikan pandangan dalam kapasiti sebagai ahli profesional di tempat lain supaya pembezaan dapat dibuat dengan pandangan MPC.

Dua ahli luar Bank telah dilantik pada bulan April 2015. Penyertaan ahli luar Bank merupakan peristiwa penting yang mencerminkan kemajuan berterusan MPC sebagai jawatankuasa membuat keputusan, dengan anggota luar Bank menambah kepelbagaian pandangan dan kepakaran yang berkaitan dengan proses membuat keputusan dasar monetari.

---

[2] Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga yang dianggotai oleh pengarah bukan eksekutif, membantu Lembaga Pengarah dalam peranan pengawasannya. Antara tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga adalah untuk mencadangkan calon yang akan dilantik ke MPC dan Jawatankuasa Bank yang lain. Sila rujuk ``Rencana: Akta Bank Negara Malaysia 2009´´, dalam Bab 5 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009 untuk maklumat lanjut.

[3] Perbincangan selanjutnya mengenai Jawatankuasa Dasar Bersama boleh didapati dalam rencana ``Rencana: Jawatankuasa Dasar Bersama Bank Negara Malaysia´´, dalam Bab 3 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012.

Gambar Rajah 2

Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Asas yang disediakan sejak kewujudan MPC empat belas tahun lalu, khususnya rangka kerja tadbir urus dan proses yang mapan, telah menyediakan satu platform yang kukuh kepada MPC untuk melaksanakan tanggungjawabnya merumuskan dasar monetari dan dasar bagi pengendalian operasi dasar monetari di Malaysia.

Berdepan dengan persekitaran ini, MPC membuat penilaian bahawa pendirian dasar monetari adalah sesuai dan konsisten dengan pencapaian kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pendirian dasar itu, bersama-sama dengan langkah kehematan mikro dan makro sebelum ini juga terus memainkan peranan untuk memastikan pertumbuhan hutang isi rumah yang mampan dan mengurangkan risiko ketidakseimbangan kewangan. MPC berwaspada terhadap tahap ketidakpastian yang meningkat dalam persekitaran ekonomi global dan dalam negeri, dan telah meminta kakitangan Bank Negara Malaysia untuk menjalankan pemantauan yang lebih intensif terhadap perkembangan ini dan kesannya terhadap ekonomi Malaysia. Dalam komunikasinya menerusi Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS), MPC berusaha memberikan penjelasan yang lebih baik berhubung dengan penilaiannya tentang prospek ekonomi dan harga serta risiko terhadap prospek ini.

OPERASI MONETARI

Ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran kewangan global menyebabkan aliran keluar modal pada tahun 2015. Aliran keluar modal itu terutamanya adalah daripada instrumen pasaran wang jangka pendek, dan sebahagiannya daripada pelaburan ekuiti. Walau bagaimanapun, pasaran bon kerajaan domestik mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM25.7 bilion bagi tahun 2015. Aliran keluar bersih daripada pasaran wang menyebabkan pengurangan dalam agregat mudah tunai lebihan yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia daripada RM269.9 bilion pada akhir tahun 2014 kepada RM205.1 bilion pada akhir tahun 2015. Oleh itu, operasi monetari Bank Negara Malaysia tertumpu pada usaha menguruskan pengurangan lebihan mudah tunai ini dengan memastikan bahawa proses pengantaraan kewangan terus berjalan dengan licin dengan keadaan pasaran kewangan yang teratur.

Pada separuh pertama tahun 2015, Bank Negara Malaysia mengurangkan terbitan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) dengan ketara, sebahagiannya sebagai tindak balas terhadap pengurangan mudah tunai yang disebabkan oleh aliran keluar. Hanya pada separuh kedua tahun 2015 Bank Negara Malaysia mula menerbitkan semula BNMN kepada pelabur jangka panjang[2] apabila aliran modal mula menjadi stabil pada penghujung bulan Ogos 2015. Oleh itu, BNMN terkumpul menurun daripada RM107.1 bilion pada akhir

Rajah 3.3

Perubahan Bulanan Pemegangan Sekuriti Ringgit oleh Pelabur Bukan Pemastautin



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.4

Mudah Tunai Terkumpul yang Ditempatkan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Pelabur jangka panjang ini menggunakan strategi beli dan pegang dan komited untuk melanjutkan BNMN dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang matang bagi mengekalkan dedahan negara untuk mandat pelaburan.

Rajah 3.5

Komposisi Mudah Tunai Terkumpul yang Ditempatkan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2014 kepada RM24.5 bilion pada akhir tahun 2015, dan 97% daripadanya dipegang oleh pelabur jangka panjang.

Berikutan ketidaktentuan aliran modal yang meningkat pada tahun 2015, pilihan institusi perbankan untuk mengurus profil mudah tunai mereka beralih kepada kematangan jangka lebih pendek untuk menguruskan ketidakpastian dalam keperluan mudah tunai. Selaras dengan itu, Bank Negara Malaysia memendekkan tempoh peminjaman pasaran wang dan repo, dengan itu mengurangkan tempoh purata operasi penyerapan mudah tunai keseluruhan daripada 56 hari pada akhir tahun 2014 kepada 34 hari pada akhir tahun 2015. Bank Negara Malaysia juga menyediakan mudah tunai kepada sistem perbankan pada tahun itu dengan jumlah RM39.5 bilion pada akhir tahun 2015. Sebahagian daripada penyediaan mudah tunai dilaksanakan menerusi kemudahan repo berbalik (reverse repo) yang diperkenalkan sejak bulan Mac 2015. Kemudahan ini membenarkan peserta yang layak untuk mendapatkan mudah tunai bagi tempoh matang antara satu hingga enam bulan dengan memberikan cagaran yang berkualiti tinggi kepada Bank Negara Malaysia.

Rajah 3.6

Jumlah BNMN Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.7

Repo Berbalik Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.8

Jumlah Penerimaan Jangka Pendek Islam Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia menerima pakai strategi yang serupa untuk menguruskan mudah tunai Islam, dengan penekanan tambahan terhadap penggunaan Program Komoditi Murabahah (Commodity Murabahah Programme, CMP) yang dilelong secara kompetitif, untuk menggalakkan lagi ketelusan kadar keuntungan dalam pasaran wang Islam. Bank-bank Islam telah menukarkan simpanan Wadiah mereka dengan Bank Negara Malaysia secara berperingkat kepada CMP, dengan bahagian CMP berbanding dengan jumlah penerimaan jangka pendek Islam meningkat daripada 14.5% pada tahun 2014 kepada 22.7% pada tahun 2015. Bank Negara Malaysia juga memperkenalkan Sijil Bank Negara Malaysia – Mudarabah (BNM M-Cert), iaitu instrumen ekuiti hibrid, untuk menambah kepelbagaian kepada instrumen yang tersedia bagi pengurusan mudah tunai. BNM M-Cert distrukturkan mengikut persetujuan perkongsian keuntungan antara Bank Negara Malaysia dengan pemegang sukuk, apabila Bank Negara Malaysia memainkan peranan sebagai pengurus pelaburan dengan melaburkan dana dalam aset berlandaskan Syariah dan mengagihkan keuntungan mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui. BNM M-Cert diiktiraf sebagai aset mudah tunai berkualiti tinggi (high-quality liquid assets, HQLA) Paras 1 dan boleh didagangkan dalam pasaran sekunder.

Meskipun kadar pasaran wang jangka pendek dengan tempoh matang satu minggu atau kurang daripada satu minggu kekal stabil, dengan kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) menuruti OPR dan diurusniagakan antara 3.03% hingga 3.25%, kadar pasaran wang jangka lebih panjang mengalami turun naik dan mencatat trend menaik pada tahun itu. Kadar antara bank jangka lebih panjang dengan tempoh matang

Rajah 3.9

OPR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.10

Kadar KLIBOR



Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia

Rajah 3.11

Komposisi Urus Niaga Pasaran Wang Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

melebihi satu bulan telah mencatat paras yang tinggi pada awal tahun 2015, berikutan trend menaik pada lewat tahun 2014. Ini mencerminkan peningkatan kos pendanaan untuk bank-bank ekoran peningkatan persaingan untuk pendanaan yang stabil. Persaingan untuk pendanaan yang stabil disebabkan oleh pertumbuhan deposit yang lebih perlahan berikutan aliran keluar bersih sektor luaran serta persediaan bank-bank untuk pelaksanaan secara berperingkat keperluan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III (Basel III Liquidity Coverage Ratio, LCR)[3], yang dikuatkuasakan sepenuhnya pada bulan Jun 2015. Walau bagaimanapun, kadar faedah ini menurun secara beransur-ansur, dengan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan menurun daripada paras tertingginya sebanyak 3.86% kepada 3.69% pada separuh pertama tahun itu. Ini berikutan peluasan skop pengiktirafan HQLA yang meliputi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dan deposit bertempoh yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia, serta penjelasan oleh Bank Negara Malaysia mengenai olahan jangkaan aliran keluar tunai bank-bank. Operasi repo berbalik oleh Bank Negara Malaysia juga menyuntik mudah tunai ke dalam pasaran antara bank[4], lantas mengurangkan tekanan ke atas bank-bank untuk mencari pendanaan jangka panjang daripada pasaran antara bank. Pada separuh kedua tahun itu, kadar antara bank lebih tinggi dengan KLIBOR 3 bulan mencecah 3.84% pada akhir tahun itu, apabila bank-bank bersaing semula untuk mendapatkan pendanaan yang lebih stabil bagi menyokong nisbah pinjaman kepada deposit mereka dalam persekitaran aliran keluar bersih sektor luaran.

Jumlah urus niaga pasaran wang antara bank, yang meliputi deposit dan penerimaan, penerimaan jurubank (banker's acceptance, BA), dan instrumen deposit boleh niaga (negotiable instrument of deposits, NID) dalam pasaran wang konvensional dan Islam, tidak berubah pada RM3.2 trilion (2014: RM3.2 trilion). Meskipun deposit (peminjaman dan pinjaman tidak bercagar konvensional) kekal sebagai instrumen utama yang diniagakan, urus niaga NID meningkat disebabkan oleh pengiktirafannya sebagai HQLA di bawah keperluan LCR.

Melangkah ke hadapan, keadaan mudah tunai domestik dijangka terus dipengaruhi oleh aliran modal yang cepat berubah. Operasi monetari Bank Negara Malaysia akan terus tertumpu pada usaha memastikan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi bagi menyokong pengantaraan kewangan dan pasaran kewangan domestik yang berfungsi secara teratur.

[3] Objektif LCR adalah untuk menggalakkan daya tahan jangka pendek profil risiko mudah tunai bank. Ini dilaksanakan dengan memastikan bank-bank mempunyai stok HQLA tidak terhalang penggunaannya yang mencukupi yang boleh ditukar dengan mudah dan serta-merta dalam pasaran swasta kepada tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunai mereka untuk senario tekanan mudah tunai selama 30 hari kalendar.

[4] Bank-bank boleh mencagarkan sekuriti yang dikumpul secara beransur-ansur untuk pelaksanaan LCR sebagai cagaran untuk repo berbalik, dengan itu membolehkan mereka menukar pemegangan HQLA mereka kepada tunai.